

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

TARIKH : 24.11.2014

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dalam usaha melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 apakah tindakan Kementerian bagi membantu mengurangkan bebanan dan tekanan guru dan apakah inisiatif yang difikirkan untuk guru supaya menaikkan semangat mereka menjalankan tugas dengan lebih baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu meringankan beban tugas guru agar guru dapat memberi lebih tumpuan kepada Pengajaran dan pembelajaran(PdP), antaranya melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) - Pemantapan Profesional Guru (PPG): Penjajaran Tugas Utama Guru. NBOS ke-8 yang bermula pada 1 Julai 2013 merangkumi empat (4) bidang kajian iaitu mengkaji bebanan tugas guru, ketidaksepadanan opsyen guru, saiz kelas yang ideal dan isu pertindihan pangkalan data. Setiap bidang kajian mempunyai objektif yang terperinci sebagai contoh kajian bebanan tugas guru adalah bertujuan untuk mengkaji pemberatan tugas profesional dan bukan

profesional guru yang boleh dijajar kepada Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di sekolah yang seterusnya mampu meningkatkan kualiti pendidikan negara amnya.

Melalui Anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan pula, guru akan menikmati persekitaran kerja yang lebih sesuai dan ganjaran berdasarkan prestasi dan laluan kerjaya yang lebih baik. Mereka akan melaksanakan tugas di sekolah yang mempunyai kelengkapan yang cukup, dan persekitaran kerja yang sesuai. Beban pentadbiran guru akan dikurangkan supaya mereka boleh menumpukan tenaga pada aktiviti teras, iaitu PdP.

Guru juga akan menikmati ganjaran berdasarkan prestasi yang menarik termasuk perkembangan kerjaya yang lebih pantas dan boleh mengembangkan minat mereka mengikut laluan kerjaya yang berbeza iaitu pengajaran, kepimpinan, dan kepakaran mata pelajaran yang akan dilaksanakan mulai 2016.

KPM percaya usaha dan inisiatif yang telah diambil secara berterusan bagi meringankan beban tugas guru dapat membantu guru merealisasikan agenda PPPM 2013-2025 sebagai mana yang dihasratkan kerajaan bagi melonjakkan kecemerlangan sistem pendidikan negara.